

SUMBER SEJARAH



Oleh Nurzuliana Kamaruzaman

Undang-undang Sultan Mahmud Shah, Melaka abad ke-15, daripada bahan mikrofilem.



TAHUKAH anda, sejarah ditulis berasaskan kajian terhadap sumber yang mampu dibuktikan kebenarannya serta mampu memberikan fakta yang tepat, penting dan bermakna? Sumber sejarah seperti artifak, fosil, dokumen, peta, manuskrip dan sumber lisan merupakan bukti sejarah yang digunakan untuk menentengahkan sesuatu fakta atau peristiwa sejarah. Menurut pandangan Ibn Khaldun, "Sejarah membicarakan tentang masyarakat atau peradaban manusia tentang perubahan yang berlaku pada sifat-sifat masyarakat itu". Selain itu, tokoh sejarah terkenal Herodotus, juga menyatakan bahawa sejarah

ialah "Penceritaan tentang tindakan manusia dan sebab-sebab mereka melakukannya." Umum mengetahui, sumber sejarah dapat dibahagikan kepada dua, iaitu sumber pertama (sumber primer) dan sumber kedua (sumber sekunder). Sumber pertama ialah sumber yang bersifat asli, iaitu bahan asal yang tidak atau belum diolah, ditafsir atau dicetak. Contoh bahan sumber pertama termasuklah fosil, artifak, manuskrip dan keterangan lisan. Sumber kedua pula ialah bahan yang dikaji melalui pembacaan bahan bertulis. Contoh bahan bagi sumber kedua ialah buku, majalah dan kertas laporan. Untuk makluman anda, terdapat beberapa kaedah pengkajian sejarah

yang digunakan oleh pengkaji dan ahli sejarah. Antaranya ialah kaedah lisan, bertulis dan arkeologi. Kaedah lisan ialah keterangan atau peristiwa sejarah yang diperoleh melalui wawancara bersama-sama pelaku, saksi mata, pendengar atau seseorang yang mengetahui tentang sesuatu peristiwa, perkara atau tokoh. Melalui kaedah lisan, ahli sejarah perlu memilih, membandingkan dan mentafsirkan fakta yang diperoleh untuk mendapatkan kebenaran tentang sesuatu fakta atau peristiwa sejarah. Kaedah bertulis pula ialah proses mendapatkan maklumat daripada sumber yang bertulis, dilakar atau dipahat seperti tulisan atau rajah pada dinding gua, kulit kayu, batu,

Sultan Abdullah (tengah) bersama-sama pengikutnya dan J.W.W Birch di Batak Rabit, April 1874.



logam, gading dan kertas. Melalui kaedah ini, ahli sejarah lebih mudah memperoleh maklumat mengenai sesuatu perkara yang berkaitan dengan peristiwa, tokoh, kejadian, perundangan dan adat resam. Untuk kaedah arkeologi atau juga dikenali sebagai aktiviti ekskavasi, maklumat sejarah atau peradaban yang diperoleh adalah daripada kegiatan cari gali berdasarkan rekod tidak bertulis seperti fosil, artifak, binaan batu, perkuburan, peralatan logam, tembikar dan kulit siput. Maklumat yang lebih tepat dan sahih pula mampu diperoleh melalui kajian saintifik seperti pentarikan radiokarbon. Mereka yang menceburi bidang ini dikenali sebagai ahli arkeologi.

Tahukah anda, melalui sejarah manusia mampu mendapatkan gambaran dan pengetahuan tentang peristiwa lampau yang dapat dijadikan panduan dan pengajaran kepada masyarakat pada masa ini? Sejarah mampu memberikan pengajaran dari setiap peristiwa kejayaan atau peristiwa kesilapan masa lampau yang boleh dijadikan pedoman untuk dicontohi atau diteladani. Melaluinya juga jati diri

anak bangsa dapat ditingkatkan dan keperibadian bangsa untuk saling menghormati dapat dibentuk.

Sehubungan dengan itu, Arkib Negara Malaysia adalah satu-satunya institusi yang menyimpan sumber sejarah yang menjadi khazanah warisan bangsa. Sebagai sebuah institusi yang menyediakan perkhidmatan menyimpan dan memelihara bahan sejarah negara, terdapat pelbagai koleksi dan sumber bahan sejarah. Antara koleksi dan sumber sejarah tersebut termasuklah

Catatan Ma Huan mengenai Melaka pada abad ke-15.

頌荔枝大君雞子以釀酒曰艾善酒亦醉人葉可
 草席果有甘蔗芭蕉子波羅蜜野荔枝之類草有
 薑蒜芥東瓜西瓜之屬牛羊雞鴨空有驢馬無
 啞魯國小國也
 理大山北距海西距蘇門答刺自蒲刺加水行四
 夜可至有淡水港東連曠野地宜早稻其粒小民
 初漁風俗淳朴婚長禮與瓜哇蒲刺加同市易用
 布布曰拷泥米穀牛羊雞鴨甚豐乳酪亦多國皆
 人也厥產飛虎如猫犬長毛灰色肉翅如蝙蝠
 亦不處有黃連香全銀香之類

manuskrip, dokumen, fail, surat persendirian, lukisan dan pelan, surat khabar dan majalah, teks ucapan, terbitan, poster dan kalendar, cenderamata, rekod kartografi, rekod elektronik, imej, video, audio, watak, artifak dan pelbagai lagi.

Selepas lebih enam dekad penubuhannya, Arkib Negara Malaysia komited dalam meningkatkan kefahaman dan penyertaan anggota masyarakat terhadap pemeliharaan bahan arkib dan koleksinya. Selain menyediakan perkhidmatan rujukan kepada masyarakat, Arkib Negara Malaysia juga bertanggungjawab sepenuhnya kepada setiap bahan-bahan arkib yang dimasyarakatkan dan menjadi rujukan orang awam.

Selain menyediakan perkhidmatan rujukan kepada masyarakat, Arkib Negara Malaysia juga menyediakan pemuliharaan dan pemeliharaan ke atas rekod lama yang telah rosak namun mempunyai nilai tinggi kepada warisan dan peradaban bangsa. Tahukah anda, Arkib Negara Malaysia kini menyimpan lebih dari 100 juta manuskrip dan rekod lama? Antara koleksi rekod lama yang disimpan di Arkib Negara Malaysia ialah dokumen rasmi kerajaan, bahan terbitan, video dan filem, imej, mikrofilem dan

滿刺加
 舊名五嶼以海有此山也東南距海西北皆野峴連
 山地瘠鹵收獲殊寡故未稱國隸進羅漢輸金五千
 兩否則被伐永樂七年巳丑 上命太監鄭和冊為
 滿刺加國賜其將領銀印冠服為王自是不復屬暹
 羅王儲妻子赴京謝願修職貢上賜船還其境有大
 漢貫王宮入海跨溪橋之構亭于上約二十餘楹交
 易者來集俗尚回回教持齋受戒王以白纓首青細
 花袍躡皮履乘轎民間男帽首女椒髻于後其體微
 黑短衫束腰以綉風俗淳樸民舍如暹羅聽榻跌坐

